Keputusan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Pengagihan Risiko Takaful Secara Alir Keluar kepada Syarikat Insurans dalam Situasi Kesukaran

Mesyuarat MPS ke-226 bertarikh 26 Oktober 2022[1]

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS pada mesyuarat ke-226 bertarikh 26 Oktober 2022 telah memutuskan bahawa perkara (ii) dalam keputusan MPS pada mesyuarat ke-113 bertarikh 23 Jun 2011 dan mesyuarat ke-114 bertarikh 28 Julai 2011 berhubung "Takaful semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional" (Keputusan Sedia Ada) telah disemak seperti berikut:

(ii) Pengendali takaful berlesen (termasuklah pengendali takaful semula profesional berlesen) tidak dibenarkan untuk mengagihkan risiko takaful secara alir keluar kepada penanggung insurans (termasuklah penanggung insurans semula profesional berlesen) kecuali dalam keadaan berikut:

i. pengendali takaful berlesen sedia ada tidak menerima atau tidak mampu menerima risiko tersebut;

ii. pengendali takaful berlesen sedia ada tidak mempunyai kapasiti atau kepakaran untuk menerima risiko tersebut; atau

iii. pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar kepada pengendali takaful berlesen yang lain menyebabkan atau boleh menyebabkan kemudaratan kepada dana takaful bagi pengendali takaful berlesen.

Dalam keadaan di atas, keperluan (*hajah*) untuk mengagihkan risiko takaful melalui pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar kepada penanggung insurans untuk menangani sebarang situasi kesukaran yang dihadapi pengendali takaful berlesen perlu dinilai dan diperakui oleh jawatankuasa Syariah pengendali takaful berlesen.

Keputusan ini menggantikan item (ii) Keputusan Sedia Ada, manakala baki bahagian Keputusan Sedia Ada adalah tetap terpakai.

*Nota: Sila rujuk **Lampiran 1** bagi Keputusan Sedia Ada*

1.1. Keputusan ini berkuat kuasa pada 5 Januari 2024 dan ianya terpakai kepada pengendali takaful berlesen (termasuk pengendali takaful semula profesional)[2] yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) untuk menjalankan perniagaan takaful. Sebarang rujukan kepada "penanggung insurans" dalam kenyataan ini adalah termasuk rujukan kepada "penanggung insurans semula".

1.2. Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI, pengendali takaful berlesen dikehendaki mematuhi keputusan ini. Pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi kewangan Islam (IKI) adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

[1] Kenyataan ini diterbitkan lanjutan daripada penerbitan Dokumen Polisi Hajah dan Darurah bagi memberikan panduan tambahan dan jangkaan yang jelas berhubung pelaksanaan hajah yang efektif.

[2] Rujukan kepada "pengendali takaful berlesen" dalam kenyataan ini termasuklah rujukan kepada "pengendali takaful semula profesional", sekiranya berkenaan.

Bahagian II: Latar Belakang

2.1. Pengaturan takaful semula merujuk kepada perkongsian risiko takaful antara pengendali takaful berlesen dengan pengendali takaful berlesen yang lain. Melalui pengaturan takaful semula yang berkesan, pengendali takaful berlesen dapat meningkatkan kapasitinya dan menstabilkan prestasi pengunderaitannya, serta dapat melindungi dana takaful daripada beban kewangan yang signifikan sekiranya terdapat pengalaman tuntutan tidak dijangka yang memudaratkan.

2.2. MPS terdahulu telah memutuskan[3] bahawa pengendali takaful berlesen tidak dibenarkan untuk mengagih risiko takaful melalui pengaturan takaful semula alir keluar kepada penanggung insurans kecuali bagi menangani situasi kesukaran. Dalam keadaan sedemikian, pengendali takaful berlesen dikehendaki mendapatkan pandangan dan pengesahan jawatankuasa Syariah berhubung keperluan (*hajah*) untuk mengagih risiko takaful kepada penanggung insurans. Lembaga pengarah bagi pengendali takaful berlesen mempunyai tanggungjawab pengawasan terhadap pelaksanaan keputusan jawatankuasa Syariah berhubung pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar tersebut.

2.3. Dalam pemerhatian Bank Negara Malaysia (Bank) terhadap isu-isu yang meluas dalam industri takaful berhubung pengagihan perniagaan takaful kepada penanggung insurans, terdapat pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar yang dilaksanakan oleh pengendali takaful berlesen yang tidak termasuk di bawah keadaan yang ditetapkan di dalam Keputusan Sedia Ada. Ini termasuk pengaturan pengagihan risiko takaful secara alir keluar dengan penanggung insurans yang dilaksanakan semata-mata berdasarkan pertimbangan perniagaan pengendali takaful berlesen untuk menangani risiko kehilangan peluang perniagaan atau risiko keberuntungan[4] bagi pengendali takaful berlesen tersebut (sila rujuk Ilustrasi 1).


Isu Syariah

2.4. MPS membincangkan sama ada keputusan pengendali takaful berlesen untuk mengagihkan risiko takaful secara alir keluar kepada penanggung insurans berdasarkan pertimbangan perniagaan termasuk di bawah keadaan yang ditetapkan dalam Keputusan Sedia Ada?

[3] Keputusan MPS yang diputuskan pada mesyuarat MPS ke-113 (23 Jun 2011) dan ke-114 (28 Julai 2011). Keputusan tersebut telah diterbitkan dalam Kompilasi Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam Edisi Ketiga Terbitan 2017.

[4] Sebagai contoh, kehilangan komisen keuntungan daripada aturan pengagihan risiko takaful secara alir keluar atau kerugian kewangan yang timbul daripada usaha untuk memperbetulkan insiden ketidakpatuhan Syariah. Contoh ini tidak menyeluruh (*exhaustive*) dan tidak boleh ditafsirkan sebagai satu-satunya contoh yang ada.

Ilustrasi 1: Pengaturan pengagihan risiko takaful secara alir keluar kepada penanggung insurans berasaskan pertimbangan perniagaan



Nota: Ilustrasi ini adalah contoh bagi aturan pengagihan risiko secara alir keluar berdasarkan pertimbangan perniagaan. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai satu-satunya senario yang ada di dalam aturan ini.

Bahagian III: Perbincangan Utama

Risiko terhadap keberuntungan IKI tidak termasuk dalam situasi kesukaran

3.1. Secara prinsip, pengendali takaful berlesen dilarang daripada terlibat dalam aktiviti tidak patuh Syariah seperti menyediakan perlindungan takaful untuk aktiviti tidak patuh Syariah.

3.2. Penglibatan dalam aktiviti tidak patuh Syariah juga boleh berlaku daripada perkongsian risiko takaful dengan penanggung insurans. Pengendali takaful berlesen tidak dibenarkan berkongsi risiko takaful dengan penanggung insurans kerana perniagaan dan operasi insurans mengandungi unsur terlarang seperti kesamaran (*gharar*), unsur perjudian (*maysir*) dan faedah (*riba*). Sebagai sebuah IKI, pengendali takaful berlesen mestilah mengelak daripada terlibat dalam perkara yang dapat menjejaskan keharusan Syariah bagi aktiviti yang dijalankan.

3.3. Walau bagaimanapun, pengendali takaful berlesen dibenarkan mengagihkan risikonya melalui pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar kepada penanggung insurans berdasarkan keperluan (*hajah*) yang mana: (i) pengendali takaful berlesen sedia ada tidak menerima atau tidak mampu menerima risiko tersebut; (ii) pengendali takaful berlesen sedia ada tidak mempunyai kapasiti atau kepakaran untuk menerima risiko tersebut; atau (iii) pengaturan pengagihan risiko takaful secara alir keluar kepada pengendali takaful berlesen yang lain menyebabkan atau boleh menyebabkan kemudaratan kepada dana takaful bagi pengendali takaful berlesen tersebut.

3.4. Memandangkan keharusan pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar kepada penanggung insurans adalah berdasarkan *hajah* seperti yang digariskan dalam tiga (3) keadaan di atas, sebarang pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar dengan

penanggung insurans yang tidak berdasarkan situasi *hajah* dianggap sebagai aktiviti yang tidak patuh Syariah.

3.5. MPS menekankan penggunaan *hajah* yang wajar di mana penilaian mesti dilaksanakan secara mencukupi dan menyeluruh disokong dengan justifikasi dan analisis impak yang jelas.

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Syariah melarang sebarang bentuk penglibatan secara langsung dalam aktiviti insurans konvensional

4.1. Pada dasarnya, pengaturan pengagihan risiko takaful secara alir keluar kepada penanggung insurans adalah dilarang sama sekali kerana pengaturan tersebut secara langsung akan menyebabkan perniagaan takaful terlibat dalam amalan riba dan aktiviti lain yang dilarang syarak. Dana takaful yang dipindahkan kepada penanggung insurans akan diuruskan mengikut amalan dan operasi insurans yang melibatkan pelaburan dana dalam aktiviti atau perniagaan tidak patuh Syariah.

4.2. Selain itu, melalui pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar kepada penanggung insurans, pengendali takaful berlesen dianggap seperti mengiktiraf kontrak dan aktiviti insurans konvensional sebagai suatu amalan yang patuh Syariah.

4.3. Ini jelas bertentangan dengan prinsip dan objektif asas Syariah seperti yang diperuntukkan dalam ayat al-Quran berikut:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِ[5]

"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan..."

Aplikasi hajah dalam situasi kesukaran tidak diaplikasikan secara longgar

4.4. MPS membenarkan pengaturan pengagihan risiko takaful oleh pengendali takaful berlesen kepada penanggung insurans yang disebabkan oleh salah satu situasi yang ditetapkan dalam keputusan ini, dan ia tidak boleh diaplikasikan secara longgar di luar situasi kesukaran, seperti risiko untuk menguruskan hubungan perniagaan sedia ada bagi pengendali takaful berlesen atau risiko untuk menguruskan keberuntungan. Pendekatan ini berdasarkan kaedah fiqah berikut:

الضرورة تقدر بقدرها[6]

"Keadaan yang mendesak perlu dinilai dan ditangani menurut kadarnya."

إن الأمر إذا ضاق اتسع وإذا اتسع ضاق[7]

"Apabila sesuatu perkara itu terdapat kekangan (disebabkan kesukaran tersebut), kelonggaran akan diberikan, tetapi apabila kekangan tersebut ditangani, kelonggaran akan dimansuhkan (bagi memenuhi keperluan syarak)."

[5] Surah al-Ma'idah, ayat ke-2.
[6] Ibnu Nujaim, *Al-Ashbah wa Al-Naza'ir, Dar Al-Kutub Al-`Ilmiyyah*, 1999, h. 73.
[7] Ibid, j. 1 h. 72.

Terma dan syarat kontrak tidak boleh bercanggah dengan prinsip Syariah

4.5. Berdasarkan prinsip kebebasan berkontrak, kedua-dua pihak yang berkontrak bebas untuk menetapkan sebarang terma dan syarat kontrak yang dipersetujui bersama. Bagaimanapun, syarat yang ditetapkan mestilah selari dengan prinsip Syariah dan tidak membawa kepada sebarang larangan syarak. Dalam situasi di mana terdapat terma dan syarat bercanggah dengan prinsip Syariah yang dipersetujui antara pihak berkontrak, terma dan syarat tersebut akan dianggap tidak boleh dikuatkuasakan dan tidak sepatutnya dipenuhi. Ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW berikut:

عن أبي هريرة رضى الله عنه قال، قال رسول الله ﷺ: المسلمون على شروطهم إلا شرطا أحل حراما أو حرم حلالا[8]

"Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: (Urusan) orang Islam adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang (dipersetujui) oleh mereka, kecuali syarat yang menghalalkan apa yang haram atau mengharamkan apa yang halal."

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

5.1. Keputusan ini memberikan kejelasan dan kepastian kepada industri tentang keterpakaian keputusan ini dan peranan pihak yang terlibat dalam pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar, untuk memastikan pematuhannya terhadap Syariah.

5.2. Di samping itu, kenyataan ini juga memberi mesej yang jelas kepada industri untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam memastikan aplikasi *hajah* yang sebenar seperti yang ditetapkan dalam keputusan ini, dokumen polisi atau rangka kerja yang dikeluarkan oleh Bank.

5.3. Selain itu, keputusan ini menjelaskan bahawa keputusan terdahulu mengenai pengaturan pengagihan risiko secara alir keluar (item ii Keputusan MPS berhubung Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional) dimansuhkan dengan keputusan ini.

[8] Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, *Bait al-Afkar al-Dawliyyah*, 1999, h. 398, hadis no. 3594.

Lampiran 1

Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional

Keputusan MPS Berhubung Alir Keluar Risiko Takaful kepada Syarikat Insurans / Insurans Semula

Merujuk kepada perkara (ii) dibawah, MPS pada mesyuarat ke-113 bertarikh 23 Jun 2011 dan mesyuarat ke-114 bertarikh 28 Julai 2011 telah memutuskan:

(ii) Pengendali takaful (dan takaful semula) tidak dibenarkan untuk mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) kecuali untuk kes-kes yang tidak dapat dielakkan iaitu:

(a) Pengendali takaful (dan takaful semula) sedia ada tidak menerima risiko tersebut;

(b) Pengendali takaful (dan takaful semula) sedia ada tidak mempunyai kapasiti atau kepakaran untuk menerima risiko tersebut; dan

(c) Pengaturan takaful semula dengan pengendali takaful (dan takaful semula) yang bersedia menerima risiko tersebut akan lebih memudaratkan dana takaful.

Sekiranya berlaku kes-kes di atas, keperluan untuk mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) perlu mendapatkan penilaian dan pengesahan daripada jawatankuasa atau penasihat Syariah dan diluluskan oleh lembaga pengarah pengendali takaful (dan takaful semula) tersebut.

Rujukan : Resolusi no. 10 - Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional, Kompilasi Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam Edisi Ketiga Terbitan 2017